

Headline	Kes penagihan dadah meningkat 14 peratus tahun lepas Masir		
MediaTitle	Utusan Borneo Sarawak		
Date	01 Mar 2017	Color	Full Color
Section	News	Circulation	45,554
Page No	15	Readership	136,662
Language	Malay	ArticleSize	309 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 2,004
Frequency	Daily (EM)	PR Value	RM 6,012



Kes penagihan dadah meningkat 14 peratus tahun lepas: Masir

KOTABHARU: Kes penagihan dadah di Malaysia meningkat sebanyak 14 peratus kepada 30,847 pada 2016 berbanding 26,668 kes pada 2015, kata Timbalan Menteri Dalam Negeri Masir Kujat.

Selain itu, katanya statistik menunjukkan peningkatan penagih baharu kepada 22,925 kes berbanding 20,281 kes dalam tempoh sama.

“Kempen Sifar Dadah yang dijalankan tahun lepas agak sukar mencapai kejayaan berikutan bekalan dadah yang mudah diperoleh dari negara jiran.

“Bagaimanapun, bukan Malaysia sahaja yang berdepan masalah ini malah, negara-negara ASEAN lain juga terkesan dengan perkara sama,” katanya kepada pemberita selepas Mesyuarat Majlis Tindakan Memban-

teras Dadah (MTMD) 2017 di Jabatan Pembangunan Persekutuan (JPP) Kelantan di sini, semalam.

Turut hadir Pengarah JPP Kelantan Datuk Makhtar Mustapha dan Ketua Polis Kelantan Datuk Ab Rahman Ismail. Dalam perkembangan sama, Masir berkata pengamal homoseksual dan hetroseksual yang dijangkiti HIV dan AIDS di Malaysia juga menunjukkan peningkatan.

“Seramai 40 orang yang mengamalkan hetroseksual dijangkiti HIV pada 2015 dan meningkat kepada 50 orang pada 2016 manakala kes homoseksual merekod 10 orang pada 2015 dan meningkat kepada 20 orang pada 2016,” katanya.

Beliau berkata Polis DiRaja Malaysia (PDRM) dan Agensi

Anti Dadah Kebangsaan (AADK) sentiasa memantau dan menjalankan peranan mereka untuk menangani serta mencegah gejala itu daripada terus merebak.

Namun, katanya pencegahan jenayah berkaitan dadah serta penularan HIV dan AIDS bukan tanggungjawab kedua-dua agensi itu semata-mata.

“Orang awam dan komuniti setempat juga mempunyai kuasa untuk membanteras jenayah namun, perlu menyerahkan kepada pihak berkuasa untuk diambil tindakan,” katanya. — Bernama

BINCANG: Masir (kanan) mem-pengerusikan Mesyuarat Majlis Tindakan Membanteras Dadah Negeri Kelantan di Jabatan Pembangunan Persekutuan di Kota Bharu, semalam. — Gambar Bernama

